

---

# Ujian '5 Minit Kosa Kata' – Perbandingan Ingatan Kosa Kata Bahasa Melayu antara Pelajar Prasiswazah dan Pelajar Pascasiswazah Asing UKM

## '5 Minute Vocabulary' Test - Comparison of Malay Vocabulary Memory between UKM Foreign' Undergraduate Students vs Postgraduate Students

Amirul Mukminin Mohamad<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Citra Universiti, UKM, Selangor, Malaysia.  
E-mail: mieroll@ukm.edu.my

---

### Abstrak

Dalam pembelajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing, penguasaan kosa kata adalah antara perkara penting yang perlu diberi perhatian. Namun, situasi pembelajaran Bahasa Melayu pada masa kini menyaksikan kelemahan pelajar dalam mengingat kosa kata penting yang telah dipelajari. Umumnya, kajian ini bertujuan untuk tahap penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar, melalui perbandingan min antara pelajar prasiswazah dan pascasiswazah. Untuk tujuan ini, instrumen Ujian '5 minit' kosa kata dijalankan untuk melihat jumlah kosa kata yang diingati oleh pelajar kedua-dua kumpulan dalam masa 5 minit. Data kajian seterusnya dianalisis menggunakan Ujian T Bebas melalui kaedah perbandingan, dengan hasil ujian normaliti ( $p=0.525$ ). Dapatan kajian menunjukkan min pelajar prasiswazah ( $\text{min}=49.44$ ) melebihi pelajar pascasiswazah ( $\text{min}=33.63$ ), sekaligus menunjukkan prestasi pelajar prasiswazah adalah lebih baik dalam penguasaan kosa kata Bahasa Melayu.

**Kata Kunci** : Pendidikan Bahasa; Kognitif; Penguasaan Kosa Kata; Bahasa Melayu untuk Pelajar Asing

### Abstract

In learning Malay for foreign students, vocabulary mastery is one of the important things that need to be paid attention to. However, the current situation of learning Bahasa Melayu witnesses the weakness of students in remembering the important vocabulary that has been learned. Generally, this study aims at the level of vocabulary mastery among students, through a mean comparison between undergraduate and postgraduate students. For this purpose, the '5 minute' vocabulary test instrument was conducted to see the amount of vocabulary that the students of both groups remembered in 5 minutes. The data of the next study was analyzed using the Independent T Test through the comparison method, with the results of the normality test ( $p=0.525$ ). The findings of the study show that the mean of undergraduate students ( $\text{mean}=49.44$ ) exceeds that of postgraduate students ( $\text{mean}=33.63$ ), at the same time showing that the performance of undergraduate students is better in the mastery of Malay vocabulary.

**Keywords** : Language Education; Cognitive, Vocabulary Mastery, Malay Language for Foreign Students

---

## I. PENGENALAN

Pembelajaran kursus bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di institusi pengajian tinggi tempatan menekankan empat kemahiran utama iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran menulis dan kemahiran

membaca. Namun, sebagai tambahan, pembelajaran bahasa juga ada tiga lagi komponen yang tidak boleh diketepikan, iaitu kosa kata, sebutan dan tatabahasa [1]. Dalam hal ini, kosa kata merupakan salah satu daripada perkara asas untuk penguasaan bahasa yang dipelajari, sama ada bahasa kedua atau bahasa ketiga. Tanpa penguasaan kosa kata, pelajar atau

penutur asing tidak dapat memahami individu lain atau menzhahirkan pemikiran dan perasaan. Dalam proses menguasai bahasa baharu, pembelajaran bahasa memerlukan kepada penguasaan, sekurang-kurangnya, 3,000 kelompok perkataan untuk berkomunikasi dan memahami 95% bahasa yang dituturkan oleh penutur natif [2].

Dalam proses menguasai bahasa dan memiliki kemahiran komunikasi yang baik, kosa kata merupakan antara aspek yang penting dan perlu dititikberatkan. Secara asasnya, kosa kata ialah perkataan yang mengandungi maksud dan difahami oleh penutur bahasa tersebut [3]. Pengetahuan kosa kata yang luas membolehkan seseorang itu untuk memiliki kemahiran dan penguasaan bahasa itu dalam banyak peringkat, cabang dan aspek, sementara pengetahuan kosa kata yang sempit menyebabkan seseorang itu gagal memperoleh banyak input dan manfaat daripada bahasa yang dipelajari [4].

Dalam aspek pembelajaran bahasa asing, pembelajaran kosa kata merupakan antara ciri primier yang perlu diberi perhatian. Dalam hal ini, pembelajaran kosa kata ini adalah satu proses berterusan untuk mengenal perkataan baru dan memahami penggunaannya [5] manakala teknik pembelajaran bahasa pula merupakan satu wasilah untuk pelajar menguasai kosa kata. Perkara ini disebabkan cara pembelajaran kosa kata oleh pelajar yang mempelajari bahasa asing tidak sama seperti pelajar penutur jati, yang memperolehnya melalui pendedahan dan pengalaman sekeliling secara semulajadi. Dalam usaha mempelajari sesuatu bahasa itu dengan lebih efektif, penggunaan teknik pembelajaran kosa kata adalah langkah yang diambil oleh seseorang untuk belajar kosa kata baru dengan mudah dan efektif [6]. Dalam hal ini, banyak kajian yang telah membuktikan akan wujudnya hubungan yang signifikan antara penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa [4]. Walau bagaimanapun, situasi berbeza yang ditunjukkan oleh para pelajar antarabangsa dalam hal berkaitan pengetahuan kosa kata dalam proses pembelajaran bahasa Melayu menjadi antara tunjang kepada permasalahan utama, seterusnya membawa kepada kajian yang bakal dijalankan.

Kurangnya pengetahuan dalam penguasaan kosa kata merupakan halangan dan kekangan terbesar yang perlu ditangani oleh penutur bahasa kedua/asing [7] di mana faktor utama kepada kesukaran ini ialah mengetahui dan mengingat makna perkataan tersebut, walaupun mereka mampu menyebut perkataan tersebut dengan betul [8]. Dalam hal ini, pengetahuan kosa kata yang dimiliki oleh pelajar bahasa kedua/asing adalah lemah

disebabkan kegagalan untuk membina penguasaan makna dan sebutan perkataan tersebut [1]. Dalam hal ini, untuk pelajar bahasa kedua/asing, pembinaan pengetahuan kosa kata merupakan satu proses yang lebih sukar dan memerlukan latihan serta komitmen yang tinggi. Penguasaan dan pengetahuan kosa kata dalam bahasa Melayu oleh pelajar antarabangsa yang mempelajari bahasa Melayu merupakan salah satu daripada kemahiran bahasa yang penting. Namun begitu, kebanyakan pelajar amat lemah dalam penguasaan bahasa Melayu, terutama sekali melibatkan penguasaan kosa kata. Kelemahan ini menyebabkan pelajar berhadapan dengan masalah penguasaan bahasa Melayu yang dipelajari, memandangkan wujudnya hubungan yang signifikan antara pengetahuan kosa kata dan penguasaan bahasa yang dipelajari. Situasi ini menyebabkan pelajar berhadapan dengan masalah untuk menggunakan ilmu bahasa yang dipelajari itu di luar kelas serta mengamalkan bahasa Melayu di dunia yang sebenar.

## II. SOROTAN KAJIAN

Sebenarnya, telah banyak kajian yang dijalankan yang melihat perihal hubungan antara pengetahuan kosa kata dan beberapa aspek kemahiran yang lain. Mart (2013) yang mengkaji perihal pembelajaran bahasa kedua mendapati bahawa, wujudnya hubungan signifikan yang kuat antara pembelajaran bahasa asing dengan pengetahuan kosa kata [9]. Selain daripada bahasa kedua, bentuk hubungan dan kesan positif juga dapat dilihat kepada bahasa pertama dan bahasa asing. Dalam hal ini, para pengkaji juga mendapati bahawa pengetahuan kosa kata ialah peramal yang kritikal untuk pembelajaran bahasa asing dan motivasi membaca, dalam pembelajaran bahasa pertama dan bahasa kedua [10]. Apabila berbicara soal kosa kata dan penguasaan bahasa, pengetahuan kosa kata merujuk kepada kualiti atau tahap penguasaan kedalaman sesebuah kata dalam kalangan seseorang [11] serta sejauh mana individu tersebut mengetahui perkataan tersebut dan berupaya menggunakan untuk tujuan komunikasi dan komunikatif [6]. Hal ini selaras dengan pendapat yang diutarakan sarjana lain iaitu, aspek pengetahuan kosa kata penting dalam memahami sesuatu perkataan serta berupaya untuk menggunakan perkataan tersebut secara automatik untuk tujuan produktif [12].

Aspek dalaman dan motivasi juga merupakan antara perkara yang diberi perhatian dalam mempelajari bahasa dan menguasai kosa kata. Pengetahuan kosa kata dalam pembelajaran bahasa asing didapati telah memberi kesan kepada motivasi

dan keupayaan membaca dalam kalangan pelajar bahasa asing, dalam usaha mereka untuk membiasakan diri dalam bentuk tulisan bahasa yang dipelajari [13]. Dalam banyak situasi, pelajar memiliki kesukaran dalam pengetahuan kosa kata dan perkara ini memberi kesan ke atas kemahiran dan motivasi pelajar. Walaupun pembelajaran kosa kata adalah sesuatu yang penting dalam pembelajaran bahasa, para sarjana mendapati bahawa pelajar bahasa memiliki kekurangan kemahiran serta motivasi akibat kurangnya pengetahuan kosa kata [14]. Hal yang sebaliknya pula berlaku, pelajar yang mempunyai kedalaman pengetahuan kosa kata yang tinggi akan mempunyai kecekapan yang tinggi dalam bahasa [13].

Pengetahuan dalam kosa kata juga dapat dikaitkan dengan penguasaan kemahiran bahasa, di mana kedua-dua elemen ini merupakan faktor terpenting dalam penguasaan bahasa yang baik dalam kalangan seseorang [4]. Apabila melihat akan hal ini, pengetahuan kosa kata dan kemahiran bahasa seperti membaca dan memahami teks merupakan dua bentuk entiti yang berhubung secara signifikan. Dalam hal ini, pemahaman yang baik terhadap makna kosa kata menyebabkan pemahaman yang lebih baik terhadap keseluruhan teks. Hal ini telah dinyatakan terlebih dahulu oleh sarjana lain [15] bahawa, secara umumnya, wujud hubungan yang signifikan antara penguasaan bahasa dan penggunaan strategi pembelajaran bahasa. Justeru itu membanyakkan kosa kata adalah salah satu tujuan utama dalam literasi dan pembelajaran bahasa [15] menjadi antara tunjang kepada permasalahan utama, seterusnya membawa kepada kajian yang bakal dijalankan.

## II. METODOLOGI

Bahagian ini menghuraikan dan membincangkan pelaksanaan dan prosedur yang telah diikuti dalam menjalankan kajian. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dengan menggunakan kaedah kuasi eksperimen. Tujuan kajian ini adalah untuk melihat perbandingan bilangan perkataan bahasa Melayu yang mampu diingati antara kumpulan pelajar prasiswazah dan pelajar pascasiswazah antarabangsa. Selain melihat perbandingan secara umum, kajian ini juga melihat perbandingan antara dua kumpulan pelajar antarabangsa tersebut daripada aspek empat penggolongan kata iaitu kata nama (KN), kata kerja (KK), kata adjektif (KA) dan kata tugas (KT).

### 1) *Populasi dan Sampel*

Pemilihan subjek kajian ini dibuat secara pensampelan bertujuan, iaitu persampelan yang dibuat untuk memenuhi tujuan khusus pengkaji [15]. Kaedah pemilihan responden ini juga melibatkan pertimbangan individu untuk memilih sampel berdasarkan pengetahuan dan tujuan khusus pengkaji, di samping responden hendaklah berada dalam keadaan yang bersedia [15]. Responden dalam kajian ini terdiri daripada pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus pembelajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing di UKM. Rasional pemilihan responden dalam kajian ini adalah berdasarkan:

- a) Kajian ini merupakan kajian di bawah bidang pengajaran bahasa Melayu kepada pelajar asing di UKM. Jadi, hanya pelajar asing yang mengikuti kursus bahasa Melayu di UKM sahaja yang sesuai untuk terlibat dalam kajian.
- b) Kajian ini menekankan kepada pengetahuan daripada aspek kosa kata. Dalam hal ini, hanya responden yang telah memiliki pengetahuan bahasa Melayu asas dan penguasaan kosa kata asas sahaja yang akan terlibat dalam kajian.

Untuk tujuan kajian ini, sebanyak 64 (32+32) orang peserta kajian daripada sejumlah 245 orang pelajar prasiswazah dan pascasiswazah (103 pelajar prasiswazah dan 142 pelajar pascasiswazah) berdaftar pada semester pengajian semasa telah dipilih. 64 pelajar ini datang dari dua kumpulan intact kelas pengajaran kursus Bahasa Melayu Komunikasi Antarabangsa di bawah kendalian pengkaji, dengan 32 pelajar bagi setiap kelas. Kelas pertama ialah kelas yang terdiri daripada pelajar pascasiswazah sepenuhnya yang semuanya sedang menuntut di UKM pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah. Kelas kedua pula ialah kelas pelajar prasiswazah. Kedua-dua kumpulan berbeza peringkat pengajian ini mengikuti kursus Bahasa Melayu untuk pelajar asing di UKM yang memuatkan silibus, aktiviti pengajaran, kaedah pengajaran serta penilaian yang sama.

Berbanding kumpulan pascasiswazah yang merupakan pelajar UKM sepenuh masa, kumpulan prasiswazah ini merupakan gabungan antara pelajar sepenuh masa serta pelajar program khas seperti program pertukaran pelajar, program mobiliti dan program khas fakulti yang berada di UKM hanya untuk 2-3 semester sahaja. Jumlah yang sama iaitu 32 pelajar daripada setiap kumpulan dipilih agar bilangan responden kajian adalah seimbang. Memandangkan pengkaji memilih intact class

sebagai kumpulan peserta kajian, jadi tiada prosedur persampelan kajian dilakukan.

## 2) Instrumen Kajian

Untuk tujuan kajian ini, pengkaji menggunakan Ujian 'Kosa Kata 5 minit' sebagai instrumen kajian. Ujian ini memerlukan pelajar untuk menulis seberapa banyak kosa kata yang mereka tahu dan ingati, dalam tempoh 5 minit. Material ujian merupakan sebuah borang ujian yang mengandungi maklumat seperti nama ujian, nama pelajar, no, matrik pelajar serta ruang untuk menulis perkataan.

## 3) Prosedur Menjalankan Kajian dan Mengutip Data

Pertama sekali, kebenaran menjalankan kajian telah dimohon dan diperoleh daripada Universiti Kebangsaan Malaysia serta Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU), UKM untuk melibatkan pelajar antarabangsa yang mengikuti kursus Bahasa Melayu di UKM. Seterusnya, Dekan PPCU UKM dan penyelaras kursus Bahasa Melayu PPCU UKM akan ditemui untuk memohon kebenaran untuk melibatkan pelajar-pelajar ini dalam kajian yang dijalankan, memandangkan sesi kajian ini dijalankan sewaktu masa bekerja.

Kajian telah dimulakan dengan mengenal pasti kumpulan kajian yang diingini. Memandangkan ini ialah kajian perbandingan, jadi dua intact class yang berbeza peringkat pengajian dipilih sebagai peserta kajian. Pada hari yang ditetapkan, para pelajar dikumpulkan supaya sesi ujian dapat dijalankan. Pelajar diberikan penerangan tentang bentuk ujian yang akan dijalankan dan kegunaan data ujian. Setelah itu, setiap peserta kajian diedarkan kertas untuk mereka menulis. Masa yang diberikan ialah 5 minit sahaja untuk pelajar menulis semua kosa kata yang mereka ingati. Setelah cukup masa, pelajar dikehendaki berhenti menulis.

## 4) Prosedur Analisis Data

Penganalisan data ialah proses di mana penyelidik meneliti data secara keseluruhan atau secara berasingan dengan bantuan teknik statistik atau pendekatan kualitatif yang sesuai bergantung kepada jenis maklumat yang diperolehi. Dalam kajian ini, pengkaji menganalisis dua jenis data iaitu; data maklumat pelajar dan data kajian.

### A. Analisis Data Maklumat Pelajar

Data maklumat pelajar yang diperolehi melalui edaran borang maklumat pelajar telah dianalisis secara deskriptif bagi mendapatkan kekerapan dan peratusan untuk setiap item yang dikemukakan,

menggunakan peratusan dan carta. Statistik deskriptif memberikan kesimpulan mengenai data numerikal iaitu profil latar belakang responden seperti jantina, umur, pengalaman mengajar, pencapaian akademik, gred jawatan dan jenis sekolah. Untuk kajian ini, data maklumat pelajar yang telah diperolehi ialah maklumat umur, negara asal peserta serta tempoh menetap di Malaysia.

### B. Analisis Data Kajian

Kajian ini merupakan kajian yang membandingkan dapatan data interval, iaitu bilangan perkataan yang ditulis, antara dua kumpulan yang tidak bersandar, iaitu kumpulan prasiswazah antarabangsa dan kumpulan pascasiswazah antarabangsa. Oleh hal demikian, analisis data telah dijalankan menggunakan Ujian T Dua Sampel Tidak Bersandar untuk analisis ujian parametrik atau Analisis Ujian Wilcoxon untuk ujian bukan parametrik. Untuk itu, andaian untuk menjalankan ujian parametrik perlu dipenuhi iaitu:

- i) Data bersifat selang – Data dalam kajian ini ialah skor ujian 5 minit, iaitu bilangan perkataan yang ditulis oleh pelajar dan, bilangan keseluruhan untuk setiap kumpulan dibandingkan melalui nilai min. Jadi, jenis data bagi kajian ini ialah data jenis interval. Oleh itu, andaian pertama dipenuhi
- ii) Pembolehubah kajian adalah bebas – Dalam kajian ini, kedua-dua kumpulan kajian adalah bersifat bebas dan tidak bersandar. Oleh yang demikian, andaian kedua kajian dipenuhi.

## III. DAPATAN & PERBINCANGAN

Dapatan kajian adalah berkaitan dengan keputusan bagi sesuatu kajian. Di dalam bab ini, beberapa perkara seperti perbandingan antara min kumpulan prasiswazah serta kumpulan pascasiswazah akan dianalisis, selain perbandingan min untuk setiap kategori penggolongan kata dalam bahasa Melayu. Selain itu, pengkaji akan turut menganalisis demografi peserta seperti umur, negara asal serta tempoh tinggal di Malaysia.

Dalam pemerolehan keputusan kajian, hipotesis-hipotesis berikut dijadikan panduan iaitu:-

Ho1 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

Ha1 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

Ho2 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca

Ha2 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca

Ho3 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca

Ha3 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca

Ho4 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Adjektif antara pelajar pra dan pasca

Ha4 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Adjektif antara pelajar pra dan pasca

Ho5 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Tugas antara pelajar pra dan pasca

Ha5 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Tugas antara pelajar pra dan pasca

#### 1) Demografi Peserta Kajian

Analisis latar belakang telah dilakukan ke atas 32 peserta kajian yang telah dipilih iaitu melibatkan pelajar Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing tahap 1 di UKM. Analisis ini dibahagikan mengikut ciri-ciri latar belakang seperti umur peserta, kawasan negara asal serta tempoh tinggal di Malaysia. Penyelidikan ini akan menerangkan hasil kajian berdasarkan objektif kajian dan analisis data yang diperolehi daripada 32 orang peserta kajian ini.

#### A. Umur Peserta Kajian

Kebanyakan daripada peserta kajian berada pada paras 19-29 tahun dengan jumlah 48 orang. Hal ini disebabkan oleh semua pelajar prasiswazah berada pada kumpulan umur antara 19 tahun hingga 23 tahun. Dalam pada itu, terdapat juga pelajar pascasiswazah iaitu pelajar sarjana yang berada pada kumpulan umur 19-29 tahun iaitu sebanyak 16 orang. Nilai paling rendah ialah kumpulan umur 50-59 tahun dengan tiga orang pelajar sahaja.

**Jadual 1 – Bilangan dan Peratus Peserta mengikut Kumpulan Umur**

Skala Umur	Kekerapan		Peratus (%)
	Pra	Pasca	
19-29 tahun	32	16	75.0
30-39 tahun	0	9	14.1

40-49 tahun	0	4	6.3
50-59 tahun	0	3	4.7
JUMLAH	32	32	100

#### B. Asal Peserta Kajian

Berdasarkan jadual 2, nilai yang tertinggi dicatatkan oleh pelajar daripada Asia Barat iaitu sebanyak 37.5%, atau 24 orang, iaitu 20 orang daripada kumpulan pascasiswazah dan 4 orang daripada kumpulan prasiswazah. Nilai yang terendah dicatatkan oleh Eropah dengan 7.8% sahaja, iaitu pelajar prasiswazah. Bahagian Asia Tenggara turut mencatatkan nilai rendah iaitu 9.4% atau 6 orang sahaja.

**Jadual 2 – Bilangan dan Peratus Peserta berdasarkan Kawasan**

Kawasan	Kekerapan		Peratus (%)
	Pra	Pasca	
Asia Tenggara	6	0	9.4
Asia Barat	4	20	37.5
Afrika	4	6	15.6
Asia Timur	8	2	15.6
Asia Selatan	5	4	14.1
Eropah	5	0	7.8
JUMLAH	32	32	100

#### C. Tempoh Tinggal di Malaysia

Untuk kategori ini pula, nilai yang tertinggi dicatatkan oleh kumpulan tempoh 1-3 tahun dengan 35 orang, atau 54.7%. Nilai terendah pula dicatatkan oleh kumpulan tempoh 6 tahun dan ke atas dengan dua orang pelajar sahaja atau 3.1%. Pelajar prasiswazah mencatatkan nilai yang hampir sama bagi tempoh kurang dari 1 tahun dan tempoh 1-3 tahun. Hal ini disebabkan, terdapat pelajar pertukaran, pelajar mobiliti dan program khas yang hanya berada di UKM untuk tempoh satu hingga dua semester sahaja ketika kajian dijalankan.

**Jadual 3 – Bilangan dan Peratus Peserta mengikut Tempoh Tinggal**

Tempoh	Kekerapan		Peratus (%)
	Pra	Pasca	
Kurang dari 1 tahun	15	4	29.7

1-3 tahun	17	18	54.7
4-6 tahun	0	8	12.5
Lebih 6 tahun	0	2	3.1
JUMLAH	32	32	100

## 2) Analisis Inferensi

### A. Perbandingan Jumlah Kata secara Keseluruhan antara Kumpulan

Ho1 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

Ha1 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan pelajar prasiswazah dengan pelajar pascasiswazah

Jadual 4.1 – Analisis Statistik Kumpulan

Jumlah Kata antara Kumpulan		
Peringkat Pengajian	Prasiswazah	Pascasiswazah
N	32	32
Mean	49.438	33.625
Std. Deviation	14.450	8.326
Std. Error Mean	3.612	2.081

Berdasarkan jadual 4.1 di atas, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min (Min=49.438) dengan sisihan piawai (SD=14.450), manakala kumpulan pascasiswazah mencatatkan nilai min (Min=33.625) dengan sisihan piawai (SD=8.326). Berdasarkan perbandingan min, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min yang lebih tinggi daripada kumpulan pascasiswazah dengan perbezaan min sebanyak 15.82.

Jadual 4.2 – Analisis Ujian Sampel Bebas

Jumlah Kata antara Kumpulan			
		Equal Variance Assumed	Equal Variances not Assumed
Levene's Test	F	2.851	
	Sig	.102	
	T	3.793	3.793
	Df	62	53.971
	Sig(2 tailed)	.001	.001
T-Test for equality	Mean Difference	15.813	15.813
	Std Error Difference	4.169	4.169

of means			
----------	--	--	--

Jadual 4.2 di atas pula menunjukkan hasil analisis Ujian T Dua Sampel Tidak bersandar untuk perbandingan jumlah kata antara dua kumpulan yang dikaji. Nilai signifikan yang tercatat ialah  $p=0.001$  dengan nilai  $t=3.793$ . Oleh yang demikian, memandangkan nilai signifikan yang diperoleh ialah kurang daripada 0.05, hasil analisis Ujian T ini mendapati bahawa wujudnya perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan antara kumpulan prasiswazah dengan kumpulan pascasiswazah dengan,  $t(30) = 3.793$ ,  $p=0.001$ , sekaligus menolak Ho. Kumpulan prasiswazah mengatasi kumpulan pascasiswazah dan mencatatkan jumlah perkataan paling banyak.

### B. Perbandingan Jumlah Kata Nama antara Kumpulan

Ho2 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca

Ha2 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Nama antara pelajar pra dan pelajar pasca

Jadual 5.1 - Analisis Statistik Kumpulan

Jumlah Kata Nama		
Peringkat Pengajian	Prasiswazah	Pascasiswazah
N	32	32
Mean	30.000	19.375
Std. Deviation	10.263	8.016
Std. Error Mean	2.566	2.004

Berdasarkan jadual 5.1 di atas, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min (Min=30.000) dengan sisihan piawai (SD=10.263), manakala kumpulan pascasiswazah mencatatkan nilai min (Min=19.38) dengan sisihan piawai (SD=8.016). Berdasarkan perbandingan min, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min yang lebih tinggi daripada kumpulan pascasiswazah daripada aspek jumlah kata nama dengan perbezaan min sebanyak 10.63.

Jadual 5.2 - Analisis Ujian Sampel Bebas

Jumlah Kata Nama			
		Equal Variance Assumed	Equal Variances not Assumed
	F		
	Sig		
	T		
	Df		
	Sig(2 tailed)		
T-Test for equality	Mean Difference		
	Std Error Difference		

Levene's Test	F	1.341	
	Sig	.256	
	T	3.264	3.264
	Df	62	58.377
	Sig(2 tailed)	.003	.003
T-Test for equality of means	Mean Difference	10.625	10.625
	Std Error Difference	3.256	3.256

Jadual 5.2 di atas pula menunjukkan hasil analisis Ujian T Dua Sampel Tidak bersandar untuk perbandingan jumlah kata nama antara dua kumpulan yang dikaji. Nilai signifikan yang tercatat ialah  $p=0.003$  dengan nilai  $t=3.264$ . Oleh yang demikian, memandangkan nilai signifikan yang diperoleh ialah kurang daripada 0.05, hasil analisis Ujian T ini mendapati bahawa wujudnya perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan dalam kategori kata nama antara kumpulan prasiswazah dengan kumpulan pascasiswazah dengan,  $t(30) = 3.264$ ,  $p=0.003$ , sekaligus menolak  $H_0$ . Kumpulan prasiswazah mengatasi kumpulan pascasiswazah dan mencatatkan jumlah perkataan dalam golongan kata nama paling banyak.

### C. Perbandingan Jumlah Kata Kerja antara Kumpulan

Ho3 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca

Ha3 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Kerja antara pelajar pra dan pasca

Jadual 6.1 - Analisis Statistik Kumpulan

Jumlah Kata Kerja		
Peringkat Pengajian	Prasiswazah	Pascasiswazah
N	32	32
Mean	8.000	6.250
Std. Deviation	4.382	2.380
Std. Error Mean	1.095	.595

Berdasarkan jadual 6.1 di atas, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min ( $Min=8.000$ ) dengan sisihan piawai ( $SD=4.382$ ), manakala kumpulan pascasiswazah mencatatkan nilai min ( $Min=6.250$ ) dengan sisihan piawai ( $SD=2.38$ ). Berdasarkan perbandingan min, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min yang lebih tinggi

daripada kumpulan pascasiswazah daripada aspek jumlah kata kerja dengan perbezaan min sebanyak 1.75

Jadual 6.2 - Analisis Ujian Sampel Bebas

Jumlah Kata Kerja			
		Equal Variance Assumed	Equal Variances not Assumed
Levene's Test	F	7.027	
	Sig	.013	
	T	1.404	1.404
	Df	62	53.145
	Sig(2 tailed)	.171	.174
T-Test for equality of means	Mean Difference	1.750	1.750
	Std Error Difference	1.247	1.247

Jadual 6.2 di atas pula menunjukkan hasil analisis Ujian T Dua Sampel Tidak bersandar untuk perbandingan jumlah kata kerja antara dua kumpulan yang dikaji. Nilai signifikan yang tercatat ialah  $p=1.71$  dengan nilai  $t=1.404$ . Oleh yang demikian, memandangkan nilai signifikan yang diperoleh ialah lebih daripada 0.05, hasil analisis Ujian T ini mendapati bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan dalam kategori kata kerja antara kumpulan prasiswazah dengan kumpulan pascasiswazah dengan,  $t(30) = 1.404$ ,  $p=1.404$ , sekaligus gagal menolak  $H_0$ . Walau bagaimanapun, daripada jumlah min, kumpulan prasiswazah masih mengatasi kumpulan pascasiswazah dan mencatatkan jumlah perkataan dalam golongan kata adjektif paling banyak.

### D. Perbandingan Jumlah Kata Adjektif antara Kumpulan

Ho4 – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Adjektif antara pelajar pra dan pasca

Ha4 – Terdapat perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Adjektif antara pelajar pra dan pasca

Jadual 7.1 - Analisis Statistik Kumpulan

Jumlah Kata Adjektif		
Peringkat Pengajian	Prasiswazah	Pascasiswazah
N	32	32
Mean	8.063	4.375

<b>Std. Deviation</b>	3.586	3.462
<b>Std. Error Mean</b>	.897	.865

Berdasarkan jadual 7.1 di atas, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min (Min=8.063) dengan sisihan piawai (SD=3.586), manakala kumpulan pascasiswazah mencatatkan nilai min (Min=4.375) dengan sisihan piawai (SD=3.46). Berdasarkan perbandingan min, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min yang lebih tinggi daripada kumpulan pascasiswazah daripada aspek jumlah kata adjektif dengan perbezaan min sebanyak 3.69.

**Jadual 7.2 - Analisis Ujian Sampel Bebas**

<b>Jumlah Kata Adjektif</b>			
		<b>Equal Variance Assumed</b>	<b>Equal Variances not Assumed</b>
<b>Levene's Test</b>	<b>F</b>	.080	
	<b>Sig</b>	.780	
	<b>T</b>	2.959	2.959
	<b>Df</b>	62	59.962
	<b>Sig(2 tailed)</b>	.006	.006
<b>T-Test for equality of means</b>	<b>Mean Difference</b>	3.688	3.688
	<b>Std Error Difference</b>	1.246	1.246

Jadual 7.2 di atas pula menunjukkan hasil analisis Ujian T Dua Sampel Tidak bersandar untuk perbandingan jumlah kata adjektif antara dua kumpulan yang dikaji. Nilai signifikan yang tercatat ialah  $p=0.006$  dengan nilai  $t=2.959$ . Oleh yang demikian, memandangkan nilai signifikan yang diperoleh ialah kurang daripada 0.05, hasil analisis Ujian T ini mendapati bahawa wujudnya perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan dalam kategori kata adjektif antara kumpulan prasiswazah dengan kumpulan pascasiswazah dengan,  $t(30) = 2.959$ ,  $p=0.006$ , sekaligus menolak  $H_0$ . Kumpulan prasiswazah mengatasi kumpulan pascasiswazah dan mencatatkan jumlah perkataan dalam golongan kata adjektif paling banyak.

### **E. Perbandingan Jumlah Kata Tugas antara Kumpulan**

$H_{a5}$  – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Tugas antara pelajar pra dan pasca

$H_{a5}$  – Tiada perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan Kata Tugas antara pelajar pra dan pasca

**Jadual 8.1 - Analisis Statistik Kumpulan**

<b>Jumlah Kata Tugas</b>		
<b>Peringkat Pengajian</b>	Prasiswazah	Pascasiswazah
<b>N</b>	32	32
<b>Mean</b>	3.375	3.635
<b>Std. Deviation</b>	2.247	2.246
<b>Std. Error Mean</b>	.561	.612

Berdasarkan jadual 8.1 di atas, kumpulan prasiswazah mencatatkan nilai min (Min=3.375) dengan sisihan piawai (SD=2.247), manakala kumpulan pascasiswazah mencatatkan nilai min (Min=3.635) dengan sisihan piawai (SD=2.246). Berdasarkan perbandingan min, kumpulan prasiswazah tidak menunjukkan perbezaan jelas dengan kumpulan pascasiswazah daripada aspek jumlah kata tugas dengan perbezaan min sebanyak -0.25.

**Jadual 8.2 - Analisis Ujian Sampel Bebas**

<b>Jumlah Kata Tugas</b>			
		<b>Equal Variance Assumed</b>	<b>Equal Variances not Assumed</b>
<b>Levene's Test</b>	<b>F</b>	.004	
	<b>Sig</b>	.948	
	<b>T</b>	-.301	-.301
	<b>Df</b>	62	59.787
	<b>Sig(2 tailed)</b>	.765	.765
<b>T-Test for equality of means</b>	<b>Mean Difference</b>	-.250	-.250
	<b>Std Error Difference</b>	.830	.830

Jadual 8.2 di atas pula menunjukkan hasil analisis Ujian T Dua Sampel Tidak bersandar untuk perbandingan jumlah kata tugas antara dua kumpulan yang dikaji. Nilai signifikan yang tercatat ialah  $p=0.765$  dengan nilai  $t=-0.301$ . Oleh yang demikian, memandangkan nilai signifikan yang diperoleh ialah lebih besar daripada 0.05, hasil analisis Ujian T ini mendapati bahawa tidak wujud perbezaan yang signifikan antara min jumlah perkataan dalam kategori kata tugas antara kumpulan prasiswazah dengan kumpulan pascasiswazah dengan,  $t(30) = -0.301$ ,  $p=0.765$ ,



sekaligus gagal menolak Ho. Kumpulan prasiswazah dan kumpulan pascasiswazah mencatatkan jumlah perkataan dalam golongan kata tugas pada jumlah yang hampir sama.

### 3) *Perbincangan*

Daripada dapatan kajian tersebut, dapat disimpulkan bahawa kumpulan pelajar prasiswazah antarabangsa menunjukkan jumlah ingatan kosa kata yang lebih tinggi berbanding pelajar pascasiswazah antarabangsa. Dapatan ini juga selari dengan keputusan penilaian I dan penilaian II kursus Bahasa Melayu untuk pelajar asing yang mendapati bahawa, pelajar prasiswazah menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam kedua-dua ujian tersebut berbanding pelajar pascasiswazah. Hal ini sekaligus menyokong dapatan sarjana yang menegaskan bahawa wujudnya hubungan signifikan yang kuat antara pembelajaran bahasa asing dengan pengetahuan kosa kata [4] [9]. Tambahan pula, penilaian I dan penilaian II kursus Bahasa Melayu kepada pelajar asing lebih banyak berfokuskan kosa kata dan penggunaan kosa kata seperti terjemahan kata, binaan ayat daripada kata, susunan kata menjadi ayat yang betul serta membina karangan pendek.

Dapatan kajian ini menyokong pendapat bahawa kosa kata ialah peramal yang kritikal untuk pembelajaran bahasa asing dan motivasi membaca, dalam pembelajaran bahasa pertama dan bahasa kedua [10]. Dalam hal ini, pelajar prasiswazah yang merupakan gabungan antara pelajar sepenuh masa dan pelajar terpilih untuk mengikuti program mobiliti serta program khas, dan mereka menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap kursus dan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan di dalam kelas. Tidak keterlaluan juga untuk dikatakan bahawa pelajar-pelajar ini lebih bermotivasi untuk mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing, dan sekaligus mengetahui sejumlah kosa kata merupakan antara satu keutamaan yang perlu dicapai.

Hal ini berbeza dengan pelajar pascasiswazah yang merupakan pelajar sepenuh masa yang mengikuti pengajian pada peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah di UKM. Memperoleh bilangan perkataan yang lebih rendah berbanding pelajar prasiswazah, ini bukan bermaksud mereka tidak kompeten dan kurang komitmen berbanding pelajar prasiswazah. Dalam hal ini, berdasarkan temubual tidak rasmi dengan peserta kajian sebagai sokongan dapatan data, pelajar pascasiswazah memaklumkan bahawa komitmen dan tanggungjawab yang mereka miliki terhadap pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah masing-masing, seperti proses penyelidikan, mendapatkan data, kerja lapangan serta seminar menyebabkan ianya mengganggu sedikit tumpuan mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu. Dalam hal

ini, komitmen terhadap kursus dan kemahiran bahasa yang dimiliki dapat dihubungkan untuk melihat sejauh mana individu tersebut mengetahui sesuatu kosa kata dan berupaya menggunakan untuk tujuan tertentu [14]

Apa yang perlu difahami dan diberi perhatian ialah, sejauh mana pelajar memahami akan kepentingan menguasai kosa kata, memahaminya serta tahu menggunakannya dalam konteks bahasa yang dipelajari kerana pelajar yang mempunyai kedalaman pengetahuan kosa kata yang tinggi akan mempunyai kecekapan yang tinggi dalam bahasa [12]. Oleh yang demikian, aspek pengajaran bahasa Melayu untuk pelajar asing yang perlu ditekankan oleh guru dan pengajar ialah menyediakan mereka dengan kemahiran penguasaan kosa kata yang baik agar mereka mampu menguasai bahasa dengan sebaiknya.

## IV. KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa kosa kata merupakan satu elemen yang amat diperlukan oleh seorang pelajar untuk menguasai sesuatu bahasa yang dipelajari, selain daripada empat kemahiran bahasa. Oleh yang demikian, pelajar perlu dilengkapi dengan pengetahuan kosa kata yang secukupnya, dan ujian inventori perlu dilakukan untuk mengukur sebanyak mana pelajar telah memperoleh kosa kata dalam bahasa sasaran.

## PENGHARGAAN

Setinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengajian Citra Universiti (PPCU), UKM terutamanya Dekan PPCU, Timbalan Dekan (Kompetensi Komunikasi) PPCU, Ketua Citra Bahasa Melayu PPCU serta para pelajar yang terlibat semasa proses menghasilkan serta menyiapkan kajian dan penulisan ini.

## RUJUKAN

- [1] Schmitt, N. (2008). Instructed second language vocabulary learning. *Language Teaching Research* 12,3 (2008); pp. 329–363
- [2] Nakata, T., & Webb, S. (2016). Does studying vocabulary in smaller sets increase learning. *Studies in Second Language Acquisition*, 38(3), 523-552
- [3] Basal, A., Yilmaz, S., Tanriverdi, A., & Sari, L. (2016). Effectiveness of mobile applications in vocabulary teaching.

- Contemporary Educational Technology, 7(1), 47-59
- [4] Susanto, A., & Suhardianto. (2018). Vocabulary knowledge in relation to students' reading comprehension: a review. *Inovish Journal*, 3(1), 11-29
- [5] Memis, M. R. (2018). The Relationship between Vocabulary Learning Strategies and Vocabulary of Learners of Turkish as Foreign or Second Language. *Educational Policy Analysis and Strategic Research*, 13(4), 164-185
- [6] Rao, C S (2018). The Importance of Collocations in Teaching of Vocabulary. *JRSP-ELT*, ISSN:2456-8104, Issue 7, Vol. 2, 2018
- [7] Hsiao, I. Y., Lan, Y.-J., Kao, C.-L., & Li, P. (2017). Visualization analytics for second language vocabulary learning in virtual worlds. *Journal of Educational Technology & Society*, 20(2), 161-175
- [8] Candry, S., Deconinck, J., & Eyckmans, J. (2018). Written repetition vs. oral repetition: Which is more conducive to L2 vocabulary learning? *Journal of the European Second Language Association*, 2(1), 72–82
- [9] Mart, Ç. T. (2013). The facilitating role of L1 in ESL classes. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 3(1), 9–14
- [10] Milton, J., & Alexiou, T. (2012). Vocabulary input, vocabulary uptake and approaches to language teaching. *The Language Learning Journal*, 40(1), 1–5.
- [11] Godwin-Jones, R. (2018). Contextualized vocabulary learning. *Language Learning and Technology*, 22. 1-19.
- [12] Nation ISP. (2001). *Learning Vocabulary in Another Language*. Cambridge, England: Cambridge University Press
- [13] Grabe, W., & Stoller, F. (2018). Teaching vocabulary for reading success. *The TESOL Encyclopedia of English Language Teaching*, 1-7.
- [14] Rousoulioti, T.; Melissaropoulou, D. (2021) Development of vocabulary in second language through strategies: The case of morphological analysis of words. *Pasitheia* 1071–1081
- [15] Elgort, I., Candry, S., Boutorwick. (2016). Contextual word learning with form-focused and meaning-focused elaboration: A comparative study. *Applied Linguistics*, advance online publication, 42(2), 439-470
- [16] Ilker Etikan, Sulaiman Abubakar Musa, Rukayya Sunusi Alkassim. (2016). Comparison of Convenience Sampling and Purposive Sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*. Vol. 5, No. 1, 1-4

### MAKLUMAT PENGARANG

<p><b>Amirul Mukminin Mohamad</b></p> 	<p>Pusat Pengajian Citra Universiti, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor</p> <p>E-mail: <a href="mailto:mieroll@ukm.edu.my">mieroll@ukm.edu.my</a></p>
---	---